

Tarikh: 28 Ogos 2024

Tuan/Puan Guru Besar,

### **PERADUAN MEWARNA ‘COLOUR ME UP! 2024’ ANJURAN GREAT EASTERN LIFE**

Dengan sukacitanya kami ingin memaklumkan Tuan/Puan bahawa Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (“Great Eastern Life”) akan meneruskan penganjuran peraduan mewarna “Colour Me Up!” buat kali ke-10 pada tahun ini. Butiran peraduan adalah seperti berikut:

**Tempoh Peraduan: 9 September 2024 – 15 November 2024**

**Tema:** Harapan

#### **Kategori Peraduan:**

Peraduan terbahagi kepada dua – Kategori Murid (mengikut umur) dan Kategori Sekolah (mengikut bilangan murid dalam sekolah).

Kategori	
Murid	Sekolah
A: Murid berumur 7 – 9 tahun B: Murid berumur 10 – 12 tahun	A: Mempunyai bilangan murid antara 1 – 100 B: Mempunyai bilangan murid antara 101 – 300 C: Mempunyai bilangan murid antara 301 – 600 D: Mempunyai bilangan murid antara 601 – 1,000 E: Mempunyai bilangan murid 1,001 dan ke atas

#### **Pemilihan Pemenang:**

1. Bagi Kategori Murid, pemenang akan dipilih berdasarkan kreativiti mewarna, lukisan dan slogan.
2. Bagi Kategori Sekolah, pemenang akan ditentukan berdasarkan kadar penyertaan tertinggi bagi setiap kategori, iaitu jumlah penyertaan dibahagi dengan jumlah keseluruhan murid dalam sekolah.

*Nota: Sekiranya terdapat kadar penyertaan yang sama untuk dua sekolah atau lebih, pemenang akan ditentukan berdasarkan penyertaan yang diterima lebih awal oleh pihak Great Eastern Life.*

#### **Syarat Penyertaan:**

1. Pihak sekolah hendaklah menghantar sebanyak mungkin borang peraduan murid yang lengkap dengan butiran peribadi dan ditandatangani ibu, bapa atau penjaga murid.
2. Lengkapkan **Borang Penyertaan Sekolah** (sila rujuk lampiran) dan poskan berserta semua borang peraduan murid yang lengkap.
3. Gunakan sampul surat yang disediakan (tidak memerlukan setem). Pihak sekolah juga boleh menggunakan sampul atau kotak tambahan sendiri sekiranya terdapat borang yang lebih.

Hadiah menarik yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori Murid		Kategori Sekolah	
Tempat	Hadiah	Tempat	Hadiah
Pertama (x1)	Konsol permainan PlayStation 5	Pertama (x1)	Komputer riba + mesin pencetak mudah alih + penyejuk udara
Kedua (x1)	iPad (WiFi)	Kedua (x1)	Komputer riba + mesin pencetak mudah alih
Ketiga (x1)	Konsol permainan Nintendo + 1 permainan	Ketiga (x1)	Komputer riba
Keempat (x1)	Tablet	Hadiah Istimewa (x3)	Penyejuk udara
Kelima (x1)	Jam tangan pintar kanak-kanak		
Hadiah Istimewa (x20)	Set alat warna-warni		

\* Hadiah akan diberikan kepada setiap kategori yang dinyatakan di atas.

Kesemua pemenang akan menerima hadiah berserta sijil penghargaan dan barang premium eksklusif Great Eastern Life.

Bersama surat ini, kami menyertakan borang peraduan, poster peraduan untuk dipaparkan di sekolah dan sampul surat untuk menghantar borang penyertaan (tidak memerlukan setem). Sekiranya sampul surat yang disediakan tidak mencukupi, pihak sekolah boleh menggunakan sampul atau kotak sendiri untuk menghantar borang peraduan. Salinan fotostat borang peraduan juga diterima.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami melalui:

- No. telefon: 1300-1300-38
- E-mel: marketing-my@greateasternlife.com
- Laman sesawang: [www.greateasternlife.com](http://www.greateasternlife.com)

Sekian, terima kasih.



**Mandy Wong**

Ketua Bahagian Pemasaran and Pengurusan Pelanggan  
Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad